

Perdana Menteri tiba di Davos

BH - 25/1/2007

DAVOS (Switzerland): Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini, petang kelmarin untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang bermula, hari ini.

Ketibaan Abdullah di Lapangan Terbang Zurich, kira-kira dua jam perjalanan dengan kereta dari sini, disambut Duta Besar Malaysia ke Switzerland, Datuk Mohd Yusof Ahmad.

Abdullah tiba di Hotel Morosani Schweizerhof di Davos Platz yang terletak di tengah bandar peranginan, jam 9 malam waktu tempatan.

Perdana Menteri dijadual menyampaikan ucapan pembukaan bertajuk 'Peraturan Kejiranan Global dalam Dunia Pelbagai Budaya' pada sesi sulung WEF yang akan berlangsung hari ini.

Esok, beliau akan menyertai sidang pleno bertema '40 tahun Asean - masa depan baru' sebelum menyertai pemimpin lain pada sesi perbincangan mengenai 'Hala tuju dasar Amerika selepas pilihan raya penggal pertengahan Kongres', pada Jumaat.

Antara pemimpin lain yang dijangka menyertai sesi pembukaan itu termasuk bekas Presiden Iran, Mohamad Khatami dan Presiden Komuniti Yahudi Antarabangsa bagi Hubungan Antara Agama Amerika Syarikat, David Rossen.

Sesi itu antara lain akan membincangkan isu utama berkaitan dialog Barat-Islam yang berlangsung ketika ini dan sama ada satu tindakan padu perlu diambil untuk menyelesaikan perbezaan.

Perdana Menteri dijangka menje-



SAMBUT PEMIMPIN: Abdullah bersalam dengan Pengerusi Petronas, Tan Sri Hassan Merican sebaik tiba di Davos dari London, semalam.

laskan bahawa pelbagai konflik yang melanda Barat dan Islam ketika ini boleh ditangani jika isu berkenaan diselesaikan secara adil serta saksama.

Sementara itu, sebagai sebahagian daripada usaha Malaysia untuk me-

nonjolkan diri dalam pelbagai bidang pada peringkat antarabangsa, Perdana Menteri akan menganjurkan majlis gala WEF pada malam Sabtu.

Majlis itu akan diserikan persembahan pelbagai budaya, tayangan video yang bertajuk *Malaysia on the*

move dan persembahan kebudayaan oleh beberapa artis Malaysia.

Abdullah juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan pemimpin dunia dan ketua korporat yang menghadiri sidang WEF. - Bernama.

BERNAMA